

04/12/1997

Minyak masak mungkin jadi barang kawalan

LANGKAWI, Rabu - Kerajaan mungkin mewartakan minyak masak sebagai barang kawalan jika peniaga terus mengaut keuntungan berlebihan dengan menaikkan harga bahan itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata kerajaan akan memerhatikan peniaga dan jika terus berdegil kerajaan akan mengambil tindakan tegas bagi mengawal harga minyak masak.

"Jika ada kegiatan mengaut keuntungan berlebihan kita terpaksa memperkenalkan harga barang kawalan terhadap minyak masak, seperti ayam, tepung dan gula.

"Ia sekarang terserah kepada kelakuan mereka (peniaga) dan kita akan sentiasa memeriksa dan membuat penguatkuasaan," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Kampung Buku Malaysia, di Lubuk Semilang, di sini hari ini.

Kampung Buku itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terdahulu Kabinet mengadakan mesyuarat di Gunung Raya sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '97).

Megat Junid juga berkata, mesyuarat Kabinet memutuskan bahawa tiada kenaikan harga minyak kelapa sawit bagi mengelakkan bebanan terhadap pengguna.

Katanya, jika pun ada kenaikan ia akan ditanggung oleh pihak ladang.

Semalam Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengumumkan kerajaan akan membendung kenaikan harga minyak masak kelapa sawit melalui cadangan menetapkan harga runcit minyak sawit tulen RM3.16 sekilo dan minyak sawit campuran pada RM3.65 sekilo mulai 1 Januari ini.

(END)